



Buy Muslim First Facebook

Dakwaan BMF turunkan harga barang tidak berasas - KPDNHEP

News | Diterbitkan 15 Nov 2019, 3:49 petang | Dikemaskini 15 Nov 2019, 4:06 petang

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) hari ini menolak dakwaan bahawa kempen Buy Muslim First (BMF) telah dapat mengurangkan harga barang.

Ketua Setiausaha kementerian itu, Datuk Muez Abd Aziz, berkata dakwaan seumpama itu tidak berasas kerana harga barang dan produk adalah berdasarkan kepada tawaran oleh pengilang, pembekal serta peruncit.

Beliau berkata demikian sebagai membalas dakwaan Ahli Parlimen Tumpat (Kelantan) Che Abdullah Mat Nawi daripada PAS yang dilaporkan berkata bahawa kempen BMF telah menurunkan harga barang secara drastik.

Muez berkata pengilang, pembekal dan peruncit memberikan diskaun mengikut tempoh tertentu di pasar raya atau premis perniagaan, menyebabkan sesuatu produk yang ditawarkan itu menjadi lebih murah.

"Ia juga bergantung kepada inisiatif dan kempen jualan oleh pihak peruncit dalam bersaing sesama mereka untuk menarik perhatian pengguna," katanya ketika dihubungi Bernama.

Muez berkata kementerian juga tidak bercadang untuk mengubah atau memasukkan BMF dalam kempen Beli Barang Malaysia yang dijalankan sejak 1984.



Buy Muslim First Facebook

Beliau menyifatkan cadangan BMF dibuat secara umum dan kementerian melihat promosi produk tempatan lebih penting selain turut menawarkan harga yang berpatutan.

"Kalau ada sekalipun (BMF), ia sudah ada dalam Kempen Beli Barang Buatan Malaysia. Pihak kami sedang bekerja keras untuk mempromosikan kempen Beli Barang Buatan Malaysia.

"Kita berpegang kepada itu sahaja. Kita hanya promosikan barang tempatan dan ia lebih penting," katanya.

Menurutnya, Kempen Beli Barang Malaysia mampu memberi pilihan terbaik dengan penjimatan sehingga 20 peratus kepada pengguna dalam membeli barang keperluan.

Katanya, harga produk 'house brand' yang jauh lebih murah berbanding jenama lain akan menjadi pilihan pengguna dan secara tidak langsung, mereka turut menyokong barang buatan Malaysia.

- Bernama